



PENGUATAN HADIS DAIF DENGAN PERSAMAAN MAKNA AYAT AL-QURAN MENURUT MUHADDITHIN

(Strengthening Weak Hadiths Through Parallel Meanings in The Quran According to The Scholars of Hadith)

Ahmad Izzuddin Abu Bakar, Amran Abdul Halim
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstract

*Hadith represents the second most important source of guidance for Muslims, inspired through the words of the Prophet Muhammad (PBUH). Every Muslim is encouraged to study it to the best of their ability. In scholarly discourse, a *Da'if* (weak) hadith may be strengthened and elevated to the rank of *Hasan li-ghayrihi*, a category of hadith deemed acceptable as evidence (*hujjah*). Among the reasons weak hadith may be strengthened is when its meaning aligns with a verse from the *Qur'an* - a concept known as *taqwiyat al-hadith al-da'if bi-muwafaqatihi lil-Qur'an* (the reinforcement of a weak hadith through its correspondence with the *Qur'an*). This study examines the extent to which this notion is recognized and accepted among the *muhaddithin* as a hadith expert. The research employs a library-based and textual analysis approach, as it requires careful examination and evaluation of scholarly materials. The findings reveal that the majority of *muhaddithin* do not accept mere similarity in meaning with *Qur'anic* verses as sufficient to strengthen weak hadith to the level of *Hasan li-ghayrihi*. The authenticity of a hadith depends on two essential aspects: its *sanad* (chain of transmission) and *matan* (text). The *nusqād al-hadith* (critics among hadith scholars) never authenticated a hadith by neglecting either aspect, particularly the *sanad*, which is the most extensively discussed component in their works. Abu Hatim affirmed this by saying: "The authenticity of a hadith is known through the trustworthiness (*Adalah*) of its transmitters, and such words may then be considered as prophetic speech." Therefore, attributing a hadith to the Prophet (PBUH) requires an authentic *sanad* or at least *Hasan li-ghayrihi*, along with a *Salim* text.*

Keywords: *weak hadith, qur'an and hadith, taqwiyat al-hadith, strengthening through the qur'an, correspondence with the qur'an.*

Article Progress

Received: 16 October 2025
Revised: 4 November 2025
Accepted: 1 December 2025

*Corresponding Author:
Amran Abdul Halim.
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Email:
amranabduhalim@usim.edu.my

PENDAHULUAN

Hadis mewakili sumber kedua umat Islam di dalam segenap kehidupan. Suatu petunjuk yang diilhamkan melalui lisan Nabi SAW. Tidaklah apa yang dipertuturkan itu melainkan wahyu. Segala isu yang berkaitan dengan masdar ini seharusnya menjadi topik penting untuk difahami dengan baik samada dari sudut kesabitan atau pun kefahaman. Setiap muslim disaran untuk mempelajari ilmu-ilmu yang bersangkutan dengannya mengikut kemampuan masing-masing. Kalangan intelektual perlu mendalami seluas yang mungkin permasalahan supaya mampu merungkai persoalan atau kekeliruan yang berlaku dalam masyarakat.

Bermal dengan hadis *Da'if* merupakan perkara yang diperselisihkan oleh ulama. Jumhur berpendapat pengamalannya dibenarkan secara bersyarat. Pada masa yang sama, hadis *Da'if* boleh dikuatkan kemudian diangkat kepada kedudukan *Hasan li-ghayrihi* yang tergolong dalam hadis yang diterima sebagai hujah. Salah satu faktor yang menguatkan ialah kewujudan persamaan makna matan hadis dengan ayat Al-Quran. Di dalam wacana akademik, topik ini dikenali dengan istilah *Taqwiyat al-Hadith al- Da'if bi-Muwafaqatihi lil-Qur'an*.

Perkara ini wajar dibincangkan secara mendalam dan terperinci kerana mempunyai implikasi yang besar iaitu perubahan status hadis. Hadis *Da'if* yang digunakan dalam ruang lingkup yang terhad bertukar kepada *Hasan li-ghayrihi* yang berperanan dalam serata hukum. Untuk mengelakkan kekeliruan dan salah faham, persoalan dan perincian perlu diperhalusi secara berhati-hati mengikut ketetapan muhaddithin seperti yang digariskan oleh kitab-kitab Muṣṭalah al-Ḥadīth dan sebagainya.

MASALAH KAJIAN

Perbincangan dalam menentukan kesahihan dan kebolehterimaan sesuatu hadis sering kali menimbulkan perdebatan hangat. Kebiasaannya bertukar kepada suasana yang tidak harmoni dan mencetuskan polarisasi di antara aliran yang pelbagai. Fenomena ini terbukti dengan hantaran dan komen warga siber di dalam platform media sosial seperti Facebook dan Whatapps. Salah satu dakwaan yang banyak diketengahkan ialah ayat-ayat Al-Quran yang mengandungi makna yang serupa dengan matan boleh mengangkat status hadis *Da'if* atau sangat *Da'if* kepada tahap yang lebih atas. Setakat ini tidak ada kajian yang lengkap mengenai isu yang menjadi titik pertikaian. Ramai pihak mengambil petikan tanpa membezakan mana satu pandangan yang berotoriti di dalam bidang. Orang awam semakin bercelaru dan ditinggalkan dengan persoalan yang tidak dijawab dengan tuntas.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mustahak kerana menjawab persoalan agama yang mendasar dan menimbulkan pertanyaan komuniti muslim. Adakah hadis *Da'if* boleh dinaikkan status kepada *Hasan li-ghayrihi* apabila terbit persamaan makna dengan ayat Al-Quran?. Penelitian akan dijalankan terhadap garis panduan Muhaddithin yang merupakan pakar bidang. Berkenaan mengambil pendapat sarjana disiplin di dalam masalah yang menjadi perbantahan, Al-Zahabi berkata: “Kami tidak mendakwa imam-imam *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* maksi, tetapi mereka adalah orang yang paling banyak betul, jarang salah, sangat bersikap adil, paling jauh daripada bersikap zalim. Apabila mereka bersepakat untuk memperakui atau mengecam, maka peganglah dan gigitlah dengan dua gerahammu dan jangan lepaskannya, kerana engkau akan menyesal. Sesiapa yang menyendiri daripada pendapat mereka maka ia tidak diambil kira” (Muhammad bin Ahmad al-Zahabi, 2020). Kata-kata ini pada asalnya berada di dalam ruang lingkup topik *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*, meskipun begitu konsepnya masih terpakai di dalam kerangka lain. Intipati yang sama juga diucapkan oleh Abu Hatim al-Razi: “Akan tetapi ahli hadis telah bersepakat di atas demikian itu, dan persepakatan ahli hadis di atas sesuatu adalah hujah” (Abdul Rahman bin Muhammad Ibnu Abi Hatim, 2011).

METODE KAJIAN

Pemilihan kaedah keperpustakaan dan analisis teks dikira sesuai memandangkan kajian memerlukan pemerhatian dan penilaian terhadap bahan-bahan bacaan. Ia merupakan metode yang digunakan untuk memperolehi bukti daripada dokumen dan rekod. Sumber-sumber yang bersifat primer di dalam tajuk-tajuk yang terbabit akan diperhalusi. Selepas itu, analisis akan dijalankan untuk melihat pendapat yang kuat berdasarkan kenyataan dan praktik majoriti muhaddithin dan *Nuqqād al-Ḥadīth* dalam isu *Taqwīyat al-Ḥadīth al-Ḍa'if bi-Muwāfaqatihi lil-Qur'ān*. Sumber-sumber sekunder turut dimanfaatkan untuk memahami sumber primer dan menyokong pentafsiran.

Takrif Hadis *Da'if*

Hadis *Da'if* adalah “Hadis yang tidak terhimpun padanya sifat-sifat Hadis Hasan” (Al-Sakhawi, 2005). Hasan yang dimaksudkan di sini ialah *Hasan Liḡayrihi*. Ini kerana hadis tersebut merupakan jenis Hadis *Maqbūl* yang paling bawah. Turutan Hadis *Maqbūl* ialah *Sahih Liḡayrihi*, *Sahih Liḡayrihi*, *Hasan Liḡayrihi* dan *Hasan Liḡayrihi*. Jika sesuatu hadis itu tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebagai *Hasan Liḡayrihi*, maka sudah tentu ia lebih jauh dari menepati syarat-syarat untuk menjadi hadis-hadis *Maqbūl* yang lain.

Maka apakah hadis *Hasan Liḡayrihī*? Ia adalah hadis *Da'īf* yang mempunyai sanad yang lebih daripada satu. Sekurang-kurangnya mestilah mempunyai dua sanad (Al-Jadi', 2003). Sanad-sanad tersebut mestilah tidak terdiri daripada perawi yang berbohong atau fasik. Kedaifan sanad yang boleh dikuatkan contohnya sanad yang terdiri daripada perawi yang buruk hafalan (*Sū' al-Ḥiz*) atau sanad terputus atau perawinya tidak diketahui (*Majhūl*) (Ibnu Hajar al-Asqalānī, 2008).

Mana-mana hadis yang tidak mengandungi ciri-ciri hadis *Hasan Liḡayrihī* maka ia adalah hadis *Da'īf*. Hadis *Da'īf* dibahagikan kepada tiga jenis yang besar dan di bawahnya terdapat pecahan-pecahan. Pecahan tersebut ialah: (1) *Da'īf*, (2) Hadis yang ditolak kerana sanad terputus dan (3) Hadis yang ditolak kerana masalah pada perawi.

1. *Da'īf*:

Hadis *Da'īf* ialah hadis yang tidak mencukupi syarat untuk dijadikan salah satu daripada mana-mana hadis *Maqbūl* dan tidak mempunyai nama yang khusus. Sebagai contoh hadis yang mempunyai perawi yang *Majhūl* pada sanadnya. *Majhūl* atau *al-Jahāl* ialah ketidaktahuan tentang seseorang perawi samada ketidaktahuan tentang dirinya atau ketidaktahuan tentang kebolehpercayaan terhadapnya (*Thiqah*) sekalipun dirinya dikenali. Maka hadis ini dinamakan dengan nama yang umum iaitu hadis *Dha'if* (Mahmud al-Ṭaḥḥān, 1996).

2. Hadis yang ditolak kerana sanad terputus

Hadis-hadis di bawah kategori ini ialah hadis yang dikira *Da'īf* kerana sanad yang terputus. Terdapat nama-nama khusus bagi hadis-hadis ini berdasarkan tempat terputusnya sanad dan bilangan perawi yang gugur. Antara nama-namanya seperti *Mursal*, *Mu'allaq*, *Mu'dal* dan lain-lain (Mahmud al-Ṭaḥḥān, 1996).

3. Hadis yang ditolak kerana masalah (*al-Ta'n*) pada perawi.

Hadis-hadis di bawah kategori ini ialah hadis yang dikira *Da'īf* kerana masalah pada perawi samada dari sudut kebolehpercayaan (*Thiqah*) atau kedabitan. Antara nama-namanya ialah *Matrūk*, *Munkar*, *al-Syāz*, *Mu'allal*, dan lain-lain (Mahmud al-Ṭaḥḥān, 1996).

Maksud Makna Matan Hadis Menyamai Makna Ayat al-Quran

Terdapat dua jenis persamaan makna matan hadis dengan ayat Al-Quran. Pertama, persamaan secara langsung atau tersurat iaitu makna yang terkandung di hadis berada di dalam ayat Al-Quran dalam bentuk yang setaraf dan setanding. Makna yang dimaksudkan terserlah dengan ketara tanpa perlu kepada pengamatan yang panjang. Kadang-kadang kelihatan frasa yang seiras di dalam kedua-dua nas. Contoh:

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَا يُطِيعُ الصَّلَاةَ، وَطَاعَةُ الصَّلَاةِ أَنْ يَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Terjemahan: Tiada solat orang yang tidak dapat menjadikan solatnya taat. Dan ketaatan solat adalah ia menegah daripada perkara keji dan munkar (Ibnu Hajar al-'Asqalānī: No: 2948).

Hadis ini diriwayatkan secara bersanad di dalam kitab-kitab hadis seperti al-Targhīb wa-al-Tarhīb oleh Abu al-Qasim al-Asbahānī dan Zahr al-Firdaws oleh Ibnu Hajar al-'Asqalānī, serta kitab-kitab tafsir seperti Tafsir al-Tabari, Tafsir Ibnu Abi Hatim dan Tafsir al-Wahidi. Kesemuanya berpunca daripada Juwaibir bin Said al-Balkhi, daripada Ibnu Mas'ud.

Kitab-kitab biografi perawi hadis atau *al-Tarājum* mengkategorikan Juwaibir sebagai *Da'īf* atau sangat *Da'īf*. Al-Mizzī (2017) di dalam *Tahzīb al-Kamāl* membawa nukilan berikut: Abdullah bin Ali bin al-Madini berkata: Aku bertanya kepadanya yakni bapanya tentang Juwaibir, kemudian ayahnya sangat mendaiifikannya. Al-Nasaie, Ali bin al-Husain bin al-Junaid dan al-Daraqutnī berkata: *Matrūk*. Al-Nasaie berkata pada tempat yang lain: Dia tidak *Thiqah*.

Al-Zahabi (2016) menyimpulkan pendapat-pendapat ulama *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* tentang Juwaibir dengan berkata: *Tarakūhu*. Secara lateral, ia bermaksud "Mereka meninggalkannya". Istilah ini menunjukkan muhaddithin meninggalkan periwayatan seseorang perawi kerana dia berbohong,

dikhuatiri berbohong (*Muttaham bi al-kadhib*) atau fasik (Abdul Majid Ghouri, 2007). Manakala Ibnu Hajar al-'Asqalānī (2013) di dalam *Taqrīb al-Tahzīb* menyimpulkannya sebagai seorang perawi riwayat-riwayat tafsir dan sangat *Da'īf* (*Da'īf Jiddan*).

Al-Suyūṭī (2019) menyatakan hadis ini diriwayatkan dengan sanad yang daif.

Makna hadis selari dengan ayat berikut:

﴿إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ﴾

Terjemahan: Sesungguhnya solat menegah daripada perkara keji dan munkar (Al-Ankabut: 45).

Hadis menerangkan bahawa orang yang tidak dapat membuatkan solatnya mencegah dosa seolah-olah solat tersebut tidak wujud. Situasi ini berlaku kerana Al-Quran menyatakan ibadat solat mampu mencegah perkara keji dan munkar.

Kedua, persamaan tidak langsung atau tersirat yang mana kebiasaannya merupakan kefahaman atau *Istinbāt* daripada ayat yang menyokong makna hadis. Untuk mengenal pasti persamaan ini, ia menuntut seseorang berfikir dengan mendalam dan menyeluruh. Contoh:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: كُنْتُ أَنَا وَحَفْصَةُ صَائِمَتَيْنِ، فَعَرِضَ لَنَا طَعَامٌ اشْتَهَيْنَاهُ فَأَكَلْنَا مِنْهُ، فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَبَدَرَنِي إِلَيْهِ حَفْصَةُ، وَكَانَتْ ابْنَةً أَبِيهَا، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا كُنَّا صَائِمَتَيْنِ، فَعَرِضَ لَنَا طَعَامٌ اشْتَهَيْنَاهُ فَأَكَلْنَا مِنْهُ، قَالَ: أَفْضِيَا يَوْمًا آخَرَ مَكَانَهُ.

Terjemahan: Daripada Aisyah beliau berkata: Aku dan Hafsa berpuasa. Kemudian diberikan kepada kami makanan yang kami suka dan kami pun memakannya. Tiba-tiba datang Rasulullah SAW lalu Hafsa mendahului untuk menghampiri Baginda -Dia adalah anak ayahnya (sebagaimana sifat ayahnya yang pantas dan tangkas)-, dia berkata: Wahai Rasulullah, tadi kami berpuasa, kemudian diberikan kepada kami makanan yang kami suka lalu kami memakannya. Baginda bersabda: Gantilah satu hari yang lain akan tempatnya (Al-Tirmizi: 735).

Makna hadis disokong oleh ayat berikut:

﴿وَلَا تُبْطِلُوا أَعْمَالَكُمْ﴾

Terjemahan: Dan janganlah kamu membatalkan amalan kamu (Muhammad: 33).

Hadis Aisyah RA dan Hafsa RA disuruh menggantikan puasa sunat, hampir semua sanadnya berpunca atau diriwayatkan daripada al-Zuhri, daripada Aisyah RA atau pun daripada al-Zuhri, daripada Urwah, daripada Aisyah RA. Terdapat satu riwayat daripada Ikrimah, daripada Ibnu Abbas.

Al-Tirmizi (1996) menyatakan ramai *al-Hāfiẓ* menyatakan ia adalah hadis *Mursal*. Beliau juga pernah bertanya kepada gurunya Imam al-Bukhari tentang kedudukan hadis ini yang mana gurunya menyatakan ia tidak sahih daripada al-Zuhri, daripada Urwah, daripada Aisyah RA (Al-Tirmizi, 2011). Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah (2025) pula menyatakannya sebagai *Ma'lūl*. Manakala Ibnu Hazm (2013) mensahihkannya di dalam kitab *al-Muhallā*.

Hadis menunjukkan amalan sunat yang dibatalkan mesti diganti. Dalam kes ini puasa sunat yang dilakukan oleh dua orang isteri Nabi SAW iaitu Aisyah RA dan Hafsa RA. Kefahaman ini selaras dengan ayat Al-Quran yang melarang secara umum pembatalan amalan apabila sudah dimulakan samada sunat atau wajib. Al-Sarakhsi seorang ulama Hanafi berkata: Wajib ke atasnya menjaga amalan yang dibuat kerana ia adalah perbuatan mendekatkan diri kepada Allah (*Qurbah*). Menjaga daripada batalnya amalan adalah wajib kerana firman Allah Taala: Janganlah kamu membatalkan amalan kamu (Muhammad: 33), seperti mana menepati janji itu wajib (al-Sarakhsi, 2020).

Penguatan Hadis Daif Dengan Kepelbagaian Sanad

Hadis *Da'if* boleh dikuatkan sehingga menaiki kedudukan yang boleh dijadikan sebagai hujah. Hal ini berlaku apabila wujud beberapa sanad yang berbeza atau berbilang sanad (*Ta'addud al-Sanad*). Penguatan jenis ini dinamakan sebagai penguatan dengan *Mutaba'ah* dan *Syawahid* (Al-Suyūṭī, 2015). Dari sudut istilah, *Mutabaah* bermaksud suatu keadaan di mana seorang perawi menyertai seorang perawi yang lain dalam meriwayatkan hadis yang sama daripada seseorang guru, yang mana hadis tersebut berpunca daripada Sahabat yang sama. *Syawahid* pula bermaksud sanad lain bagi hadis yang sama tetapi berpunca daripada Sahabat yang berbeza (Abu al-Laith, 2014).

Penguatan hadis *Da'if* berdasarkan sanad-sanad yang pelbagai ini dijelaskan oleh imam-imam hadis antaranya Ibnu Hajar al-'Asqalani. Beliau berkata: "Hadis yang boleh diterima ialah hadis yang bersambung sanadnya dan perawi-perawinya dinyatakan sebagai boleh dipercayai (*Ta'dil*), atau hadis yang sebahagian sanadnya dikuatkan dengan sanad yang lain, sehingga terhasil kekuatan secara berkumpulan, kalaulah setiap sanad itu bersendirian tidaklah kekuatan itu berlaku" (Ibnu Hajar al-Asqalanī, 1988). Al-Sakhāwī (2005) pula memberikan justifikasi secara logik dengan menyatakan bahawa ulama hadis menetapkan sanad pertama sebagai *Da'if* kerana wujud kebarangkalian yang sama banyak atau pun seimbang samada *Da'if* atau sahih disebabkan wujudnya perawi yang buruk hafalan. Apabila datangnya sanad lain, maka kebarangkalian yang kuat menunjukkan perawi yang buruk hafalan itu dabit pada hadis yang diriwayatkan.

Hanya Ibnu Hazm yang menolak konsep penguatan hadis dengan sanad yang pelbagai. Beliau berkata: Kalaulah sanad-sanad yang *Da'if* mencapai seribu sanad tidaklah ia menguatkan dan tidaklah menambah sanad *Da'if* yang bercampur dengan sanad yang *Da'if* melainkan kedaifan. Al-Zarkashī menganggap pendapat ini sebagai menyimpang daripada jumhur. Beliau kemudiannya mengulas: Pendapat ini tertolak kerana bentuk penggabungan mempunyai kesan. Tidakkah engkau melihat hadis *Mutawātir* yang menunjukkan kepada pasti, sedangkan jika kita melihat kepada hadis *Ahād*, ia tidak menunjukkan kepada pasti. Jika apa yang tidak menunjukkan kepada pasti dengan kebersendiriannya, tetapi menunjukkan kepada pasti ketika bergabung, maka lebih wajar penggabungan itu memindahkan tahap *Da'if* kepada tahap kuat. Ini adalah perkara lazim, lebih-lebih lagi apabila sesuatu yang mencapai tahap *Mutawātir*, tidak mensyaratkan kebolehpercayaan terhadap perawi (*Adālah*), seperti mana yang ditetapkan di dalam ilmu Usul Fekah (Al-Zarkasyi, 2008).

Sanad-sanad yang boleh menguatkan antara satu sama lain mestilah benar-benar berlainan. Jika sesuatu hadis mempunyai tiga sanad tetapi kesemuanya berpunca daripada perawi yang sama yang mana dia merupakan sebab kedaifan, maka ia tidak dikira sebagai tiga sanad.

Walaubagaimanapun, bukan semua hadis *Da'if* boleh terangkat kedudukannya. Sebaliknya, hanya perawi-perawi yang kedaifannya berpunca daripada kelemahan hafalan, dalam masa yang sama mereka adalah perawi-perawi yang dikategorikan sebagai orang-orang yang benar dan amanah (*Ahl Ṣidq wa-al-Amānah*). Ibnu al-Ṣalāḥ (2019) menerangkan perkara ini dengan berkata: "Bukan semua kedaifan di dalam hadis akan hilang dengan kedatangan beberapa sanad. Malah perkara itu berbeza-beza keadaannya. Ada antaranya hadis-hadis yang kedaifannya berpunca daripada kedaifan hafalan perawi, sedang perawi adalah orang benar dan amanah. Jika kami melihat apa yang perawi tersebut riwayatkan, telah datang daripada sanad yang lain, maka kami tahu dia telah menghafal hadis tersebut dan tidak terjejas hafalannya.... Dan ada antaranya kedaifan yang tidak hilang sekalipun datang sanad yang lain, kerana kuatnya kedaifan dan ketidakmampuan penguat untuk menguatkannya. Ia seperti kedaifan yang berpunca daripada perawi yang berbohong dalam percakapannya ataupun hadis tersebut adalah *Syāz*".

Penguatan Hadis Daif Dengan Persamaan Makna Ayat Al-Quran Menurut Muhaddithin

Penulis hanya menemui seorang sahaja ulama hadis yang menyebut secara jelas bahawa kaedah ini diterima untuk menguatkan hadis *Da'if*. Beliau ialah Ali bin Muhammad bin Abdul Malik yang dikenali sebagai Ibnu Al-Qaṭṭān al-Fāsī. Ibnu Hajar al-'Asqalanī (2000) menukikan pendapatnya di mana beliau berkata: "Melainkan jika banyak sanadnya, dan disokong oleh amalan turun temurun, atau ada persamaan dengan *Shāhid* hadis, atau ada persamaan dengan *Zāhir* Al-Quran".

Dr. Asiya ‘Ammūr (2018) di dalam tesis Ph.D yang bertajuk Metode al-Hafiz Ibnu Hajar al-‘Asqalani Dalam Menguatkan Hadis Di Dalam Kitab Fath al-Bari (*Manhaj al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar Fī Taqwīyat al-Aḥādīth Min Khilālī Kitābihi Fath al-Bārī*) hanya menemui satu hadis *Da‘īf* yang dikuatkan dengan kaedah ini. Hadis tersebut diletakkan selepas tajuk dan tidak didahului dengan ungkapan yang berbentuk riwayat seperti mana hadis-hadis *Mu‘allaq* yang lain:

وَأَنَّ الْعُلَمَاءَ هُمْ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَرَثُوا الْعِلْمَ، مَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ، وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ بِهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ
طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Terjemahan: Dan sesungguhnya para ulama mereka adalah pewaris Anbia. Mereka mewariskan ilmu. Sesiapa yang mengambilnya, dia telah mengambil bahagian yang besar. Sesiapa yang melalui jalan untuk menuntut ilmu, Allah akan memudahkannya jalan ke syurga ((Bukhari).

Ibnu Hajar al-‘Asqalani (2022) menyatakan Imam al-Bukhari tidak menyebut secara jelas ia adalah hadis dan tidak menganggapnya sebagai hadis *Mu‘allaq*. Namun, perletakkan selepas tajuk menunjukkan ia mempunyai *Asl* atau sanad, dan ia mempunyai *Shāhid* daripada ayat Al-Quran:

﴿ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا﴾

Terjemahan: Kemudian Kami jadikan Al- Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami.

Perkaitan dapat diperhatikan adalah makna hadis menggambarkan para ulama mewarisi ilmu daripada para Nabi AS. Kemudian ayat Al-Quran mengesahkannya apabila ia menyebut Allah SWT mewariskan kitab yakni Al-Quran yang merupakan sumber ilmu kepada hamba-hamba yang terpilih.

Menurut Ibnu al-Ḥaṣṣār, kaedah penguatan hadis *Da‘īf* menggunakan persamaan makna dengan ayat Al-Quran kebiasaannya dilaksanakan oleh ulama-ulama fekah. Beliau yang merupakan seorang ulama fekah dan tafsir berkata: “Seorang faqih mengetahui kesahihan hadis apabila wujud persamaan dengan usul atau ayat daripada kitab Allah Taala, perkara itu menyebabkannya menerima hadis dan beramal dengannya, dan mempercayai kesahihannya, jika tiada pada sanadnya pembohong, maka tidak mengapa menyebut kesahihannya secara mutlak jika menepati kitab Allah dan seluruh usul syariat (Al-Zarkashī, 2011).

Persamaan dan keselarian makna tidak boleh menguatkan hadis daif sekaligus menukarnya hadis yang boleh dijadikan hujah. Kesahihan hadis memerlukan dua aspek utama iaitu sanad dan matan. *Nuqqād al-Ḥadīth* tidak pernah mensahihkan hadis dengan mengabaikan salah satu aspek. Apatah lagi sanad yang merupakan aspek yang paling banyak dibahaskan di dalam kitab-kitab mereka. Imam-imam hadis bersepakat tentang kewajipan sanad yang sahih untuk menerima sesuatu hadis. Terlalu banyak ungkapan-ungkapan yang menerangkan perkara ini.

Syuhbah bin al-Hajjaj berkata: “Diketahui kesahihan hadis dengan kesahihan sanad” (Ibnu ‘Abd al-Bar, 2024). Abu Hatim al-Razi berkata: “Diketahui kesahihan hadis dengan kebolehpercayaan (*‘Adālah*) orang yang menukilkannya dan kata-kata itu boleh untuk menjadi kalam Nabawi” (Ibnu Rajab al-Ḥanbalī, 1987).

Imam Muslim (2006) menyuarakan perkara yang sama: “Kami bermaksud memberikan hadis-hadis yang paling selamat dan paling bersih daripada kecacatan, iaitu orang-orang yang menukilnya adalah orang-orang yang jujur di dalam hadis dan sempurna kedabitannya terhadap apa yang mereka nukilkan”.

Ibnu Hibban (2010) pula menyatakan hadis yang diterima ialah hadis yang perawi mempunyai lima sifat iaitu boleh dipercayai, terkenal dengan betul dalam meriwayatkan hadis, berakal ketika meriwayatkan hadis, mengetahui makna hadis yang diriwayatkan dan hadisnya tidak mengandungi *Tadlis*.

Al-Hakim (2020) di dalam Mukaddimah kitab al-Mustadrak berkata: “Aku memohon bantuan daripada Allah untuk mengumpulkan hadis yang perawi-perawinya *Thiqah*”.

Al-Khatib al-Baghdadi (2013) berkata: “Ahli ilmu berijmak bahawa hadis tidak wajib diterima melainkan daripada orang yang berakal, benar, jujur di atas apa yang dia memberitahu”.

Dari sudut praktik, muhaddithin tetap menolak sesuatu hadis jika terdapat kepincangan pada sanad sekalipun matannya mirip kepada ayat Al-Quran. Misalnya hadis yang menceritakan tentang api di bawah laut.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا يَرْكَبُ الْبَحْرَ إِلَّا حَاجٌّ أَوْ مُعْتَمِرٌ أَوْ غَازٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَإِنَّ تَحْتَ الْبَحْرِ نَارًا، وَتَحْتَ النَّارِ بَحْرًا.

Daripada Abdullah bin ‘Amr, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: Jangan mengharungi laut kecuali orang yang pergi haji atau orang pergi umrah atau orang yang berperang pada jalan Allah. sesungguhnya di bawah laut ada api dan di bawah api ada laut (Abu Daud: 2489).

Makna hadis memiliki kesepadanan dengan ayat Al-Quran:

﴿وَإِذَا الْبِحَارُ سُجِّرَتْ﴾

Terjemahan: Dan apabila lautan meluap-luap (Al-Takwir: 6).

Ibnu Abbas RA berkata: Menyala sehingga marak (Al-Baghawi, 2022). Mujahid dan al-Hasan bin muslim berkata: Menyala (Ibnu Kathir, 2022)

Walaubagaimanapun, para imam hadis tetap mendaifkan hadis kerana masalah di dalam sanad. Para imam langsung tidak pernah menoleh kepada makna matan yang sahih atau kemungkinan sahih.

Ibnu Abd al-Bar (2024) berkata: “Ia hadis *Da’if* sanadnya gelap, tidak disahihkan oleh ilmuan hadis kerana perawi-perawinya *Majhūl*. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Daud dan beliau sendiri menyatakan “Perawi-perawinya *Majhūl*” (Ibnu Hajar al-‘Asqalānī, 2020). Imam Bukhari (2021) berkata semasa merekodkan biografi Bishr bin Muslim, perawi hadis tersebut: “Dan hadisnya itu tidak sahih”.

Setelah begitu banyak kenyataan imam-imam muhaddithin serta praktik mereka yang mensyaratkan sanad yang sahih, atau sekurang-kurang sanad yang bertaraf *Hasan Liḡayrihī*, maka sudah tidak ada lagi ruang untuk bermudah atau mengambil sikap yang longgar dalam berpegang dengan sanad untuk mensabitkan hadis kepada batang tubuh Nabi SAW. Sebarang tindakan terpicil yang menunjukkan ayat Al-Quran sebagai penguat hadis *Da’if* boleh dianggap sebagai kes terpinggir, bukan kaedah umum dan sepatutnya tidak diambil kira dan tidak berikan tumpuan.

Persamaan makna hanya mengesahkan makna hadis adalah benar dan bukannya mensabitkan hadis kepada Nabi SAW. Inilah yang disebutkan oleh Ibnu Abd al-Bar (2024): “Mungkin sanad yang *Da’if* tetapi matannya sahih”. Makna matan yang sahih semata-mata tidak menjadi faktor yang menguatkan hadis kerana bukan semua perkara yang benar disebutkan oleh Nabi SAW. Ibnu Taimiyyah semasa mengulas sebuah hadis berkata: Ini adalah adab dan bukan lafaz yang diketahui daripada Nabi SAW. Banyak kata-kata yang maknanya sahih, tetapi tidak boleh dikatakan daripada Nabi apa yang Baginda tidak katakan. Malah seringkali hadis-hadis yang sangat *Da’if* dan palsu maknanya adalah sahih (Mar’ī bin Yusuf al-Karami, 1998).

Oleh sebab itu, Yahya bin Said berkata: “Jangan kamu melihat (matan) hadis, tetapi lihatlah sanad. Jika sahih sanad (maka ambillah), kalau tidak maka jangan engkau terpedaya dengan hadis jika sanad tidak sahih (Al-Khaṭīb al-Baghdādī, 2017).

Sebarang pendalilan sebenarnya bukanlah berpaksikan hadis *Da’if* tetapi dalil-dalil lain yang maknanya bertepatan dengan hadis berkenaan. Dalam konteks ini, dalil tersebut ialah ayat Al-Quran. Hadis *Da’if* boleh berdiri sebagai dalil sampingan dan tambahan yang menyokong sesuatu pandangan tanpa diangkat kedudukannya kepada Hasan atau Sahih.

PENUTUP

Muhaddithin bersepakat mensyaratkan dua aspek utama iaitu sanad dan matan dalam menisbahkan hadis kepada Nabi SAW. Sanad hadis mestilah mencapai tahap Sahih atau minimum *Hasan Liḡayriḥī*. Tuntutan sanad telah disahkan oleh pakar bidang dengan tegas dan jelas seperti Syu'bah bin al-Hajjaj, Abu Hatim al-Razi, Muslim dan lain-lain. Tiada sebarang kelonggaran yang membolehkan ia dikecualikan. Sebaliknya, hadis akan tertolak sekalipun maknanya bertepatan dengan ayat Al-Quran kerana makna yang sahih boleh jadi diungkapkan oleh sesiapa sahaja terutamanya alim ulama, ahli hikmah dan bijak pandai. Hadis Daif boleh berfungsi sebagai dalil tambahan tanpa diangkat kepada hadis Sahih atau Hasan. Bahagian ini juga telah dingatkan oleh ulama-ulama hadis terkemuka seperti Yahya bin Said.

RUJUKAN

- Abdul Rahman bin Abu Bakar Al-Suyuthi. (2015). *Tadrīb al-Rāwī*, Cet. 2, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah; Beirut.
- Abdul Rahman bin Abu Bakar al-Suyuthi. (2019). *Al-Durr al-Manthūr Fī al-Taḥṣīn bi al-Ma’thūr*, Cet. 1, Jld. 6, Dar al-Fikr; Damsyik.
- Abdul Rahman bin Ahmad Ibnu Rajab al-Ḥanbalī. (1987). *Sharḥ ‘Ilal al-Tirmizī*, Cet. 1, Maktabah al-Manar; Kaherah.
- Abdul Rahman bin Muhammad Ibnu Abi Hatim. (2011). *Al-Marāsīl*, Cet. 1, Muassasah al-Risalah; Beirut.
- Abdullah bin Yusuf al-Jadī’. (2003). *Tahrīr ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Cet. 1, Muassasah al-Rayyan; Beirut.
- Abu al-Laith Fairuz Abadi. (2014). *Takhrīj al-Ḥadīth: Mahajjiyyatuhu wa-Naṣḥatuhū*, Cet. 1, Dar al-Syakir; Kuala Lumpur.
- Ahmad bin Ali al-Khatib al-Baghdadi. (2013). *Al-Kifāyah Fī ‘Ilm al-Riwāyah*, Cet. 1, Muassasah Risalah Nashirun; Beirut.
- Ahmad bin Ali al-Khaṭīb al-Baghdādī. (2017). *Al-Jāmi’ li-Aḥlāq al-Rāwī wa- Ādāb al-Sāmi’*, Cet. 2, Dar Ibnu al-Jauzi; Dammam.
- Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-Asqalānī. (1988). *Quwwat al-Hijaj Fi ‘Umum al-Maghfirat li-al-Hujjaj*, Cet. 1, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah; Beirut.
- Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-‘Asqalānī. (2000). *Al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn al-Ṣalāḥ*, Cet. 1, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah; Beirut.
- Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-Asqalānī. (2008). *Nuzhat al-Nazar Fi Taudhih Nukhbat al-Fikr*, Cet. 2, Maktabah al-Malik Fahd al-Wathaniyyah; Riyadh.
- Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-‘Asqalānī. (2013). *Taqrīb al-Tahzīb*, Cet. 1, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah; Beirut.
- Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-‘Asqalānī. (2018). *Zahr al-Firdaws*, Cet. 1, Jld. 7, Jam‘iyyah Dar al-Bar; Dubai.
- Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-‘Asqalānī. (2020) *Al-Talkhīṣ al-Ḥabīr Fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi‘i al-Kabīr*, Cet. 1, Jld. 2, Dar Ibnu Hazm; Beirut.
- Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-‘Asqalānī. (2021). *Tahzīb al- Tahzīb*, Cet. 1, Jld. 2, Jam‘iyyah Dar al-Bar; Dubai.
- Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-‘Asqalānī. (2022). *Fath al-Bārī bi-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Cet.1, Jld. 1, Dar al-Ṣafwah; Kaherah.
- Al-Husain bin Mas‘ud al-Baghawi. (2022). *Ma‘ālim al-Tanzīl Fī Taḥṣīn al-Qur‘ān*, Cet. 1, Jld. 8, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah; Beirut.
- Ali bin Ahmad Ibnu Hazm al-Andalusi. (2013). *Al-Muḥallā*, Cet. 1, Jld. 4, Maktabah al-Tawfiqiyyah; Kaherah.
- Ali bin Sultan al-Mulla Ali al-Qari. (t. t.). *Syarh Syarh Nukhbat al-Fikr*. Dar al-Arqam; Kaherah.
- Asiya ‘Ammūr. (2018). *Manhaj al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar Fī Taqwīyat al-Aḥādīth Min Khilālī Kitābihi Fath al-Bārī*. Universiti Sains Islam al-Amir Abdul Qadir; Costantine.
- Bakar, A. I. A. (2023). Pendapat Tabi'in Dalam Huraian Hadis: Terminologi, Autoriti Dan Metode: The Tabi'in's Opinion in Interpretation of Hadith: Its Terminology and Methods. *Journal Of Hadith Studies*, 94-108.

- Bakar, A. I. A. (2021). Peranan Hadis Daif Dalam Menentukan Makna Hadis: Tinjauan Ke Atas Huraian Terpilih Daripada Kitab Syarah: The Role of Weak Hadith in Determining the Meaning of Hadith: A Literature Review on Selected Interpretation from Commentary Books. *Journal Of Hadith Studies*, 46-55.
- Bakar, A. I. A. (2024). Analisis Kesilapan Terjemahan Hadis dan Cadangan Penambahbaikan: Satu Tinjauan Awal: Analysis of Errors in Translation of Hadith and Suggestions for Improvement: A Preliminary Overview. *Journal Of Hadith Studies*, 163-172.
- Ismail bin Umar Ibnu Kathir. (2022). *Tafsir al-Quran al-Azim*, Cet. 1, Jld. 8, Dar al-Qalam; Kaherah.
- Mahmud al-Ṭaḥḥān. (1996). *Taysīr Mustalah al-Ḥadīth*, Cet. 9, Maktabah al-Ma'arif; Kaherah.
- Mar'ī bin Yusuf al-Karami. (1998). *Al-Fawā'id al-Mawḍū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, Cet. 1, Dar al-Warraq; Riyadh.
- Muhammad bin Abdul Rahman al-Sakhawi. (2005). *Fath al-Mughith Bisyarh Alfiyyat al-Hadith*, Cet. 1, Dar al-Minhaj; Jeddah.
- Muhammad bin Abdullah al-Hakim. (2020). *Al-Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīḥayn*, Cet. 1, Jld. 1, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah; Beirut.
- Muhammad bin Abdullah al-Zarkashī. (2011). *Al-Nukat 'Alā Muqaddimat Ibnu al-Ṣalāḥ*, Cet. 1, Maktabah Aḍwā' al-Salaf; Riyadh.
- Muhammad bin Abu Bakar Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah. (2025). *Zād al-Ma'ād fī Hady Khayr al-'Ibād*, Cet. 1, Jld. 2, Muassasah al-Zad; Amman.
- Muhammad bin Ahmad al-Sarakhsī. (2020). *Al-Mabsūṭ*, Cet. 1, Jld. 3, Dar al-Hadith; Kaherah.
- Muhammad bin Ahmad al-Zahabi. (2016). *Al-Kāshif Fī Ma'rifat Man Lahū Riwayah Fī al-Kutub al-Sittah*, Cet. 1, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah; Beirut.
- Muhammad bin Ahmad al-Zahabi. (2020). *Siyar A'lām al-Nubalā'*, Cet. 1, Jld. 11, Mu'assasah Risalah Nashirun; Beirut.
- Muhammad bin Hibban. (2010). *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ 'Alā al-Taqāsīm wa al-Anwā'*, Cet. 1, Jld. 1, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah; Beirut.
- Muhammad bin Isa al-Tirmizi. (1996). *Sunan al-Tirmizi*, Cet. 2, Matba'ah al-Bābī al-Halabi; Kaherah.
- Muhammad bin Isa al-Tirmizi. (2011). *Al-'Ilal al-Kabīr*, Cet. 1, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah; Beirut.
- Muhammad bin Ismail al-Bukhari. (2021). *Al-Tārīkh al-Kabīr*, Cet. 1, Jld. 2, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah; Beirut.
- Muslim bin Al-Ḥajjāj. (2006). *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Muḥtaṣar Min al-Sunan Binaql al-'Adl 'An al-'Adl 'An Rasūlillāh SAW*, Cet. 1, Dar al-Ṭaybah; Riyadh.
- Sayyid Abdul Majid Ghouri. (2007). *Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Ḥadīthiyyah* (Cet. 1). Dar Ibnu Kathir; Damsyik.
- Sulaiman bin al-Ash'ath Abu Daud. (2024). *Al-Sunan*, Cet. 1, Jld. 4, Dar al-Taqwa; Kaherah.
- Uthman bin Abdul Raḥman Ibnu al-Ṣalāḥ. (2019). *Ma'rifat Anwa' 'Ulūm al-Ḥadīth*, Cet. 1, Dar al-Fikr; Damsyik.
- Yusuf bin Abdullah Ibnu 'Abd al-Bar. (2024). *Al-Tamhīd Limā fī al-Muwaṭṭa' min al-Ma'ānī wa al-Asānīd*, Cet. 1, Jld. 1, Al-Dar al-'Alamiyyah Li-al-Nashr wa-al-Tajlid; Kaherah.
- Yusuf bin al-Zaki al-Mizzī. (2017). *Tahzīb al-Kamāl*, Cet. 1, Jld. 5, Muassasah al-Risalah; Beirut.